

Pendapatan bekas PM lebih RM1 juta pada Mei 2018

Kuala Lumpur: Pendapatan diterima bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak termasuk bayaran khas pada Mei 2018, adalah berjumlah RM 1,017,014.39, Mahkamah Tinggi diberitahu semalam.

Timbalan Ketua Akauntan (Pengurusan), Bahagian Akauntan Jabatan Perdana Menteri, Zarina Yusuf, berkata selain menerima bayaran khas RM1 juta pada bulan itu, Najib juga menerima gaji berjumlah RM6,627.09 pada bulan itu.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Izzat Fauzan pada sesi pemeriksaan utama, apa yang dimaksudkan dengan bayaran khas, saksi itu berkata: "Saya tidak pasti."

Zarina berkata, gaji diterima Najib pada bulan itu berkurangan kerana ia hanya di-kira dari 1 hingga 9 Mei 2018 kerana selepas beliau bukan lagi Perdana Menteri,

Katanya, jumlah pendapatan Najib bermula Januari hingga April 2009 adalah sebanyak RM48,681.65 setiap bulan.

Beliau yang juga saksi ke-27 pendakwaan berkata, bermula Mei 2009 hingga April 2018 pula, jumlah pendapatan bulanan Najib adalah sebanyak RM58,605.15.

Bayaran khas

"Najib juga menerima bayaran khas pada Disember 2011 dan 2012 masing-masing RM22,826.65 dan RM11,413.30," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Parlimen, Farah Nurdiana Azhar, 42, berkata apabila Ahli Dewan Rakyat dilantik menjadi anggota pentadbiran, Parlimen akan membayar elaun bulanan berjumlah RM16,000.

Saksi itu berkata, selepas anggota pentadbiran dilantik menjadi Ketua Dewan Rakyat iaitu Perdana Menteri, elaun yang diterima adalah sebanyak RM3,846.59.

"Sepanjang tahun 2011 sehingga 2014, Datuk Seri Najib menerima elaun sebagai Ahli Dewan Rakyat sebanyak RM6,508.59 dan juga elaun Ketua Dewan Rakyat berjumlah RM3,846.59.

"Elaun bulanan untuk tempoh 2011 hingga 2014 Datuk Seri Najib berjumlah RM10,355.18 kecuali pada bulan di mana beliau mendapat pembayaran khas," katanya.

Farah Nurdiana berkata, bermula Januari 2015 hingga Mac 2018 Najib menerima elaun berjumlah RM16,000 (Ahli Dewan Rakyat) dan RM3,846.59 (Ketua Dewan).

"Semua pembayaran elaun beliau dimasukkan ke dalam akaun milik Datuk Seri Najib Abd Razak di Affin Bank iaitu di akaun 100040014008," katanya.

Najib juga menerima bayaran khas pada Disember 2011 dan 2012 masing-masing RM22,826.65 dan RM11,413.30"